



Tarikh: 21 Disember 2021

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
BEKALAN BARANGAN /PERKHIDMATAN
NO. SEBUT HARGA : 144/2021
RUJ FAIL : MDPK.NS.01.400-6/2/2 . JLD 4**


1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan pengkhususan berkaitan** serta masih dibenarkan membuat Sebut Harga pada masa ini untuk menjalankan perkhidmatan berikut :-

Tajuk Perkhidmatan	Syarat Kelayakan	Tarikh, Masa & Lokasi Pendaftaran dan Pembelian Borang Sebutharga	Tarikh Tutup Tender/ Sebutharga
TAWARAN SEBUT HARGA BAGI CADANGAN MENYEDIAKAN KONSEP LAKARAN (<i>CREATIVE ART WORK DESIGN</i>), MEMBEKAL, MENCETAK, MEMASANG DAN MEMBUKA GEGANTUNG PERAYAAN-PERAYAAN UTAMA BAGI TAHUN 2022 BERSAIZ 2' X 6' DI DAERAH KUALA PILAH	<u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u> <u>KOD BIDANG :</u> 221615 PERKHIDMATAN/ PERCETAKAN (DIKHAJIKAN KEPADA 100% BUMIPUTERA)/ REKABENTUK PERCETAKAN (PRINTING DESIGN) 222003 PERKHIDMATAN/ EDITORIAL, REKABENTUK GRAFIK, SENI HALUS DAN HARTA INTELEK/ BILLBOARD DAN BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)	PEMBEKAL YANG BERMINAT BOLEH MENDAFTAR DAN MEMBELI DI KAUNTER HASIL MDPK MULAI .. 10 JANUARI 2022 (ISNIN) HINGGA 17 JANUARI 2022 (ISNIN) SILA KEMUKAKAN DOKUMEN ASAL PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) SEMASA PENDAFTARAN (UNTUK PENGESAHAN) HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA : RM30 SENASKAH	TARIKH : 17 JAN 2022 MASA : 12.00 TENGAH HARI

2. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah di bawah tanggungjawab pembekal.
3. Syarikat yang ingin memasuki Sebut Harga hendaklah menyediakan Wang Tunai / Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Draf yang dibuat atas nama "**YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KUALA PILAH**" dan bayaran Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
4. Wakil syarikat hendaklah membawa **surat wakil yang sah beserta Sijil ASAL** semua dokumen seperti yang di syaratkan:-
 - i. Sijil asal pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
 - ii. Sijil asal pendaftaran pembekal Majlis Daerah Kuala Pilah.
5. Dokumen sebut harga hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender A di Tingkat 1, Bahagian Kejuruteraan dan Bangunan** serta meletakkan Tajuk Sebut Harga di kiri sampul surat berlakri, dimasukkan kedalam peti sebut harga dan dialamatkan kepada :

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN PENTADBIRAN
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH
72009 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

6. Pihak Majlis Daerah Kuala Pilah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau sebarang tawaran lain dan juga tidak memberi sebarang alasan kepada Sebut Harga yang tidak berjaya.
7. Sekiranya dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup tiada sebarang jawapan diterima daripada pihak Majlis Daerah Kuala Pilah maka tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
8. Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman sesawang rasmi Majlis Daerah Kuala Pilah www.mdkp.gov.my.
9. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi pihak urus setia Bahagian Korporat di talian, No.Tel : 06-4812075 dan Fax : 06-4811042.


(**MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP**)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Pilah